KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **20 JANUARI 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Padah jual minyak botol mahal

- Pasar mini diserbu KPDN
- Sita 667kg barangan kawalan

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

**TELUK INTAN** – Tindakan sebuah pasar mini di sini, yang disyaki menjual barang kawalan iaitu minyak masak botol melebihi harga ditetapkan diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak kelmarin.

Serbuan kira-kira pukul 2.30 petang tersebut dilakukan hasil aduan orang awam yang diterima sebelum satu pemeriksaan dilakukan ke atas premis tersebut oleh anggota dan penguat kuasa KPDN Cawangan Teluk Intan.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, pemeriksaan mendapati minyak masak jenama Saji jenis botol 1 kilogram (kg) dijual dengan harga RM7.40, manakala botol 5kg pada harga (RM31).

"Selain itu, minyak masak jenama Seri Murni 5kg (RM31), minyak masak jenama Kuali 5kg (RM31.70) serta minyak masak jenama Buruh 1kg (RM7.50).

"Harga yang ditawarkan ini adalah melebihi harga maksimum runcit minyak masak tulen kemasan botol yang ditentukan oleh Pengawal di bawah Perintah Kawalan Harga dan AntiPencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2023 iaitu RM6.90 bagi jenis botol 1kg dan RM30.90 bagi jenis botol 5kg.

"Hasil semakan mendapati sebanyak 126 unit minyak masak botol 5kg dan 37 unit minyak masak botol 1kg disyaki telah dijual oleh pemilik perniagaan melebihi harga yang ditetapkan oleh kerajaan," katanya di sini semalam.

Sehubungan itu, Kamalludin berkata, sebanyak 667kg minyak masak jenis botol telah disita untuk siasatan lanjut dan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM4,148.70.

Beliau berkata, siasatan lanjut kes tersebut akan dijalankan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Justeru, beliau memberi amaran keras ke atas mana-mana individu atau syarikat berkaitan agar sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan.




**PENGUAT kuasa KPDN memeriksa minyak masak botol yang dijual di sebuah pasar mini di Teluk Intan kelmarin.**

# Punca harga barang berbeza dikaji



Armizan (tengah) menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Kinarut Palm City di Kinarut pada Ahad.

## UMS, Unimas bentang hasil dapatan kepada KPDN bulan ini

Oleh ASYIKIN ASMIN
PAPAR

Kajian Penstabilan Harga Sabah, Sarawak dan Labuan yang dilaksanakan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) akan dibentangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada bulan ini.

Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kajian itu merupakan antara usaha penyelesaian yang dibuat bagi melihat faktor harga barang di Sabah dan Sarawak serta Labuan, berbeza dengan Semenanjung.

Menurutnya, ia selesai Disember lalu dan akan bentangkan kepadanya dalam masa terdekat.

"Sebelum ini orang cakap-cakap harga itu, harga ini tetapi kita tiada kajian ilmiah. Jadi selepas saya menjadi Menteri KDPN, saya lantik UMS untuk Sabah dan Unimas untuk Sarawak melakukan kajian.

"Saya berharap hasil kajian yang akan dibentangkan kepada saya akan dapat membantu dan mengetahui apakah sebenarnya punca, untuk kita menyelesaikan masalah ini dalam jangka panjang," katanya.

Beliau mengulas dakwaan Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Seri Bung Moktar Radin bahawa harga ayam di Sabah mencecah RM16.50 untuk satu kilogram iaitu lebih mahal berbanding di Semenanjung.

Terdahulu Armizan menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Kinarut Palm City di Kinarut di sini pada Ahad.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Papar itu berkata, penyelesaian isu perbezaan harga itu bukan hanya melibatkan kementeriannya tetapi juga komitmen Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"KPDN memantau harga sekiranya ada kenaikan pencatutan, kita ambil tindakan. Kita juga memerlukan komitmen daripada KPKM kerana dari segi bekalan untuk memastikan cukup adalah kementerian tersebut.

"Kita juga mengharapkan isu tentang import dan eksport, kalau mahu import dari luar bekalan makanan tambahan itu bukan tanggungjawab KPDN, itu melibatkan Jabatan Veterinar, tetapi peranan kita untuk memantau.

"Apa yang disebutkan semalam (Sabtu) oleh timbalan menteri saya, kami tidak menafikan memang berlaku harga yang berbeza di Sabah, Sarawak dan Semenanjung," katanya.

Tambah beliau, perkara itu bukan baharu namun apa yang penting selain memantau adalah solusi jangka panjang dan ia perlu berdasarkan data daripada pakar yang mengkaji.

Sehubungan itu, Armizan tidak mahu memberikan komen berdasarkan kenyataan tidak berasas mengenai harga ayam yang dikatakan mencecah RM16.50.

"Kalau ada orang kata harga RM16 lebih, tolong dapatkan maklumat spesifik di mana, dan saya hantar penguat kuasa untuk membuat pemeriksaan," katanya.

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/1/2025
M/SURAT: 1

# KPDN fokus cari solusi isu harga ayam lebih mahal di Sabah, S'wak

PAPAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) fokus mencari penyelesaian mengenai isu harga ayam segar yang dijual lebih mahal di Sabah dan Sarawak berbanding di Semenanjung.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata kementerian itu bekerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) bagi menjalankan Kajian Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Labuan yang turut melibatkan ayam segar, dan hasil kajian itu bakal dibentangkan bulan ini.

Beliau berkata semua pihak terutama pemimpin politik diminta tidak hanya bercakap tanpa sebarang asas yang kukuh, dan disaran menyalurkan segala maklumat mengenai situasi harga ayam itu kepada KPDN bagi membolehkan penyiasatan terperinci dilakukan.

"Kalau ada maklumat berkaitan harga di sini, dalam tempoh sejam kita akan siasat, dan jika ada elemen pencatutan kita ambil tindakan. Cuma harga berbeza di Sabah, Sarawak dan Semenanjung bukan isu baharu, ia terjadi sejak sekian lama.

"Kami tidak menafikan dalam isu ini cuma apa solusinya, saya pimpin KPDN mahu cari solusinya untuk kesenangan rakyat kita. Kita tidak mahu bercakap kosong, kita mahu penyelesaian jangka panjang berkesan dengan dipacu data, dan kajian mendalam dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pecah tanah Kinarut Palm City, Kinarut di sini, Ahad.

Sabtu lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lamag Datuk Seri Bung Moktar Radin yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah dilaporkan berkata kerajaan negeri perlu mengambil langkah serius berhubung isu harga barang makanan terutama ayam segar.

Bung Moktar mendakwa harga ayam segar dijual di Semenanjung sekitar RM7 hingga RM9 untuk satu kilogram, berbanding di Sabah antara RM12 hingga RM16.50.

Armizan berkata mencari solusi berkaitan isu berkenaan bukan tanggungjawab KPDN semata-mata, malah perlu kerjasama semua pihak terutama kementerian lain seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi memastikan bekalan barang makanan terutama ayam segar sentiasa stabil.

Beliau berkata kerajaan sebelum ini telah membelanjakan RM300 juta untuk pemberian subsidi bagi menstabilkan harga beras putih import di Sabah dan Sarawak, seterusnya membolehkan harga barangan itu diperoleh lebih rendah berbanding Semenanjung.

Kerajaan juga mengekalkan subsidi diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan bagi membolehkan rakyat membeli barangan itu dengan harga lebih murah berbanding Semenanjung.

"Ini yang telah dilakukan kerajaan. Kalau cakap kerajaan tidak buat apa-apa itu tidak betul. Kalau ada jumpa sekian-sekian harga tolong saya dapatkan spesifik di mana, kita akan hantar penguat kuasa untuk siasat," katanya. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/1/2025
M/SURAT: 5

# Perak KPDN seizes 667kg of overpriced bottled cooking oil

IPOH: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) seized 667 kilogrammes (kg) of bottled cooking oil suspected of being sold above the controlled price at a mini market in Teluk Intan on Saturday.

Perak KPDN director Datuk Kamalludin Ismail said the 2.30 pm raid was carried out based on a public tip-off.

"During the inspection, we discovered that the premises owner had sold 126 units of 5kg bottled cooking oil and 37 units of 1kg bottled cooking oil above the government-set limit.

"The prices for Saji brand 1kg and 5kg cooking oil were RM7.40 and RM31, respectively. The Seri Murni and Kuali brands of 5kg cooking oil were sold at RM31 and RM31.70, while the Buruh brand 1kg bottled cooking oil was sold at RM7.50," he said in a statement Sunday.

Kamalludin explained that these prices exceeded the maximum retail price set under the Price Control and Anti-Profiteering (Determination of Maximum Price) Order 2023, which are RM6.90 for the 1kg bottle and RM30.90 for the 5kg bottle.

The case is being investigated under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/1/2025
M/SURAT: 2

# Give details on higher price of chicken, says Armizan

**KOTA KINABALU:** Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali urged Sabah Umno chief Datuk Seri Bung Moktar Radin to provide the details on his claims that the price of chicken has reached RM16 per kilogram so that the necessary action can be taken.

"We don't comment on sweeping statements. We monitor prices daily. If anyone has specific information about a location where the price of chicken has reached RM16, provide us with the details, and I'll ensure that within one hour, we will investigate. If there are elements of profiteering, we will take action," said Armizan.

While acknowledging the price differences between Sabah, Sarawak and Peninsular Malaysia, Armizan clarified that this issue is not new as it has persisted for years and has been particularly evident when certain individuals were in power.

He stressed that the focus now is on finding solutions to stabilize prices in the long term.

Armizan when met after officiating the opening of the Kinarut Palm City project on Sunday, said this when asked to comment on Bung Moktar's statement.

Armizan who is Papar Member of Parlament said that the government is looking for solutions and one of them is the study conducted by Universiti Malaysia Sabah (UMS), which was completed in December.

"This January, UMS will present their findings to me. For the first time, we will have a scientific study to address these price disparities," he said, adding that since his appointment as minister, he has taken steps to appoint UMS for Sabah and UNIMAS for Sarawak to conduct thorough research into the root causes of the issue.

The goal, he said, is to implement data-driven long-term solutions to stabilize prices, especially for essential goods like chicken.

In addition to monitoring prices, Armizan emphasized the need for collaboration with the Ministry of Agriculture, which is responsible for ensuring sufficient supply of food in the country.

He also highlighted that import-export issues, particularly for additional food supplies, fall under the jurisdiction of the Veterinary Department, with KPDN playing a supportive role in monitoring these efforts.

"What's important is that we don't deny the price differences. They've been around for a long time. But now, we are focusing on solutions. This solution must be data-driven, and the findings from UMS and UNIMAS will help us identify the underlying causes and ways to stabilize prices," he said.

He reiterated that KPDN is working closely with the Ministry of Agriculture and other relevant agencies to ensure sufficient supply and stabilize prices.

"We monitor prices on an item-by-item basis, especially high-demand goods like chicken during events such as Chinese New Year," he said.

"Soon, I will announce the Chinese New Year price control scheme and launch Jualan Rahmah in various locations to assist consumers during the festive season."

With the findings from UMS and UNIMAS expected soon, Armizan is hopeful that data-driven solutions will help to bring stability to food prices across the country in the long term.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/1/2025
M/SURAT: 1

# KPDN to address higher chicken prices in Sabah, Sarawak

**PAPAR**: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is focusing on resolving the issue of higher fresh chicken prices in Sabah and Sarawak compared to Peninsular Malaysia, says Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said his ministry had collaborated with Universiti Malaysia Sabah (UMS) and Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) on the Sabah, Sarawak, and Labuan Price Stabilisation Study, which included fresh chicken prices. The findings of the study are expected to be presented this month.

He urged all parties, particularly political leaders, to refrain from making baseless claims and instead channel any information regarding chicken prices to the ministry to facilitate thorough investigations.



Datuk Armizan Mohd Ali

"If there is information about prices in a certain area, we can investigate within an hour. If profiteering elements are identified, we will take action. However, the price difference between Sabah, Sarawak, and Peninsular Malaysia is not a new issue' it has existed for a long time. We are not in denial about this issue. The focus is on finding solutions. As head of KPDN, I want effective long-term solutions based on data-driven and in-depth studies," he said.

He made these remarks after officiating the ground-breaking ceremony for Kinarut Palm City yesterday.

On Saturday, Lamag assemblyman Datuk Seri Bung Moktar Radin, who is also Sabah Barisan Nasional (BN) chairman, urged the Sabah government to address the high prices of food items, particularly fresh chicken. Bung Moktar claimed fresh chicken in Sabah cost between RM12 and RM16.50 per kg, compared to RM7 to RM9 per kg in Peninsular Malaysia.

Armizan noted that resolving the issue required collaboration between KPDN and other ministries, such as the Ministry of Agriculture and Food Security, to ensure a stable supply of essential food items.

He highlighted that the government had previously allocated RM300 million in subsidies to stabilise the price of imported white rice in Sabah and Sarawak, making it cheaper compared to Peninsular Malaysia.

He said the government had also maintained diesel subsidies in Sabah, Sarawak, and Labuan, enabling the public to purchase diesel at lower prices than in the Peninsular.

"The government has taken action. It is incorrect to say otherwise. If specific price issues are identified, let us know where, and we will send enforcement officers to investigate," he said. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN

TARIKH: 20/1/2025

M/SURAT: 8

# Musim perayaan jangan naikkan harga barangan

Oleh Yap Siong Han

**KOTA KINABALU:** Yayasan Pengguna Nasional Malaysia (YPNM) Cawangan Sabah menyeru para peniaga agar bertanggungjawab dan tidak menaikkan harga barangan keperluan semasa musim perayaan Tahun Baharu Cina.

Pengerusi Cawangan Sabah Yayasan Pengguna Nasional Malaysia (YPNM), David Chan berkata, kenaikan harga yang tidak munasabah akan membebankan pengguna, terutamanya dalam tempoh kos perbelanjaan tinggi.



DAVID

"Kami juga mengingatkan peniaga yang menyediakan hamper perayaan agar memastikan semua barangan yang dimasukkan adalah berkualiti dan tidak hampir tarikh luput.

"Tindakan memasukkan barangan hampir tamat tempoh bukan sahaja tidak beretika, tetapi juga memalukan pembeli yang memberi hamper ini sebagai hadiah kepada rakan dan keluarga," katanya dalam kenyataan di sini.

Beliau berkata, pihaknya turut menerima aduan mengenai harga ayam yang dijual pada kadar RM16.50 sekilogram.

Katanya, harga itu melebihi harga kawalan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Justeru jelasnya, peniaga diingatkan bahawa barangan keperluan yang tertakluk kepada kawalan harga mesti dijual pada atau di bawah harga yang ditetapkan.

"Tindakan mengambil kesempatan atas permintaan tinggi semasa musim perayaan adalah tidak beretika dan melanggar hak pengguna.

"Pengguna yang mendapati terdapat ketidakpatuhan terhadap harga kawalan atau amalan tidak beretika digalakkan membuat aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui saluran WhatsApp: 019-2794317 atau 088-484368 dan e-aduan@kpdnkep.gov.my," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN

TARIKH: 20/1/2025

M/SURAT: 1

# KPDN pantau harga kawalan setiap hari

Oleh Yap Siong Han

**PAPAR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa memantau harga barangan kawalan setiap hari.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pihaknya mengalu-alukan orang ramai termasuk mana-mana pemimpin yang mempunyai maklumat mengenai kenaikan harga barangan agar menghubungi KPDN.

"Berkenaan dengan dakwaan Datuk Seri Bung Moktar Radin mengenai kenaikan harga ayam sehingga RM16, maklumkan mana lokasinya. Saya akan pastikan dalam tempoh masa satu jam, kita akan buat tinjauan dan sekiranya ada elemen pencatutan, kita akan ambil tindakan.

"Harga yang berbeza di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia bukan perkara baharu, ia sudah berlaku sejak orang-orang tertentu berkuasa, cuma apa penyelesaiannya?

"Sejak saya memimpin KPDN, kita mahukan jalan penyelesaian, antaranya kajian daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang baru disiapkan Disember dan Januari ini mereka akan bentangkan perkara itu kepada saya.

"Sebelum ini orang cakap-cakap harga itu, harga ini tetapi kita tidak ada kajian ilmiah... jadi sejak saya jadi Menteri KPDN, kita melantik UMS di Sabah dan UNIMAS di Sarawak untuk membuat kajian," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Upacara Pecah Tanah Kinarut Palm City, di sini semalam.

Beliau berharap kajian yang dibentangkan UMS itu nanti akan membantu mencari jalan penyelesaian isu yang dihadapi ini dalam masa panjang.

Dalam pada itu katanya, satu pengumuman berkaitan skim harga kawalan Tahun Baharu Cina akan dilakukan dalam masa terdekat.

"Kita juga akan gerakkan Jualan Rahmah untuk sambutan Tahun Baharu Cina di pelbagai tempat," katanya.




**RASMI:** Armizan menandatangani simbolik Upacara Pecah Tanah Kinarut Palm City di Papar.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Sarawak

HARI: ISNIN

TARIKH: 20/1/2025

M/SURAT: 15

•Isu harga ayam lebih mahal di Sabah, S'wak

# KPDN fokus cari solusi

**PAPAR**: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) fokus mencari penyelesaian mengenai isu harga ayam segar yang dijual lebih mahal di Sabah dan Sarawak berbanding di Semenanjung.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata kementerian itu bekerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi menjalankan Kajian Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Labuan yang turut melibatkan ayam segar dan hasil kajian itu bakal dibentangkan bulan ini.

Beliau berkata, semua pihak terutama pemimpin politik diminta tidak hanya bercakap tanpa sebarang asas yang kukuh, dan disaran menyalurkan segala maklumat mengenai situasi harga ayam itu kepada KPDN bagi membolehkan penyiasatan terperinci dilakukan.

"Kalau ada maklumat berkaitan harga di sini, dalam tempoh sejam kita akan siasat, dan jika ada elemen pencatutan kita ambil tindakan. Cuma harga berbeza di Sabah, Sarawak dan Semenanjung bukan isu baharu, ia terjadi sejak sekian lama.

"Kami tidak menafikan dalam isu ini cuma apa solusinya, saya pimpin KPDN mahu cari solusinya untuk kesenangan rakyat kita. Kita tidak mahu bercakap kosong, kita mahu penyelesaian jangka panjang berkesan dengan dipacu data, dan kajian mendalam dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pecah tanah Kinarut Palm City, Kinarut di sini, semalam.

Kelmarin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lamag Datuk Seri Bung Moktar Radin yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah dilaporkan berkata kerajaan negeri perlu mengambil langkah serius berhubung isu harga barang makanan terutama ayam segar.

Bung Moktar mendakwa harga ayam segar dijual di Semenanjung sekitar RM7 hingga RM9 untuk satu kilogram, berbanding di Sabah antara RM12 hingga RM16.50.

Armizan berkata, mencari solusi berkaitan isu berkenaan bukan tanggungjawab KPDN semata-mata, malah perlu kerjasama semua pihak terutama kementerian lain seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi memastikan bekalan barang makanan terutama ayam segar sentiasa stabil.

Beliau berkata, kerajaan sebelum ini telah membelanjakan RM300 juta untuk pemberian subsidi bagi menstabilkan harga beras putih import di Sabah dan Sarawak, seterusnya membolehkan harga barangan itu diperoleh lebih rendah berbanding Semenanjung.

Kerajaan juga mengekalkan subsidi diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan bagi membolehkan rakyat membeli barangan itu dengan harga lebih murah berbanding Semenanjung.

"Ini yang telah dilakukan kerajaan. Kalau cakap kerajaan tidak buat apa-apa itu tidak betul. Kalau ada jumpa sekian-sekian harga tolong saya dapatkan spesifik yang mana, kita akan hantar penguat kuasa untuk siasat," katanya.– Bernama



**AYAM** mentah mendapat permintaan dari para pelanggan untuk dijadikan membeli barangan keperluan di Pasar Chow Kit. • Foto BERNAMA

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/1/2025
M/SURAT: 3



昆仑喇叭香功联谊会理事和出席嘉宾在团拜宴上向各界人士恭贺新禧。（吴彩隆摄）

# 超過頂價賣津貼食油
# 一業者被對付

（安顺19日讯）超过顶价出售津贴食油，安顺一家迷你市场667公斤价值逾4100令吉津贴食油遭充公。

霹州国内贸易及生活费局主任拿督卡马鲁丁发文告表示，安顺分局执法人员接到民众投报后，昨午约2时30分前往市区一间迷你超市展开突袭检查，据知业者疑以高出统制品顶价出售津贴食油。

执法人员发现业者分别以7令吉40仙和7令吉50仙出售两个不同牌子一公斤装食油（顶价最高6令吉90仙）；以31令吉和31令吉70仙出售三个不同牌子五公斤装食油（顶价最高30令吉90仙）。



执法人员点算遭充公的津贴食油数量。（内贸局提供）

业者已经违反2023年价格控制及反暴利（顶价）条规，店内126瓶5公斤装及37瓶一公斤装总共667公斤津贴食油遭充公，充公物品价格逾4100令吉。

当局将援引2011年价格控制及反暴利法令展开调查，一旦罪成，违例者可被罚款不超过5万令吉或监禁不超过两年，或两者兼施；重犯可被罚款不超过10万令吉或监禁不超过五年，或两者兼施。

他敦促业者必须严格遵守政府法令，公众也受促成为执法当局的耳目，提供有关违反统制品法令的情报，并通过各管道向当局投报，共同打击违法活动，防止政府补贴外流。

欲向国内及生活费局提供情报，可通过以下管道：WhatsApp 019-848 8000；投诉官网eaduan.kpdn.gov.my；呼叫中心1-800-886-800；电邮至e-aduan@kpdn.gov.my；手机应用程式EzADU KPDN。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報 CHINA PRESS

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/1/2025
M/SURAT: 5

# 高價賣補貼食油 迷你超市被取締



■安顺迷你超市售卖高价补贴食用油，遭执法人员突击取缔。

（安顺19日讯）国内贸易及生活成本部（KPDN）执法人员突击昨日展开突击检查，揭发安顺一家迷你超市，售卖高于市场价格的补贴食用油。

国内贸易及生活成本部霹雳州主任拿督卡马鲁丁依斯迈指出，当局是根据公众提供的情报后，于昨午2时30分展开这项突击行动。

他今日在发文告说，检查发现，该迷你超市内部分品牌的1公斤装瓶装食用油，以每瓶7令吉40仙至7令吉50仙的价格出售，而5公斤装瓶装食用油，则以31令吉至31令吉70仙的价格出售。

他指出，上述价格已超出2023年价格控制与反暴利（最高价格规定）法令中，规定的瓶装纯食用油零售最高价格，即1公斤装为6令吉90仙，5公斤装为30令吉90仙。

他也说，检查还发现，该迷你超市共有126瓶5公斤装和37瓶1公斤装的食用油，涉嫌以高于政府规定的价格出售。

"因此，总价值估计为4148令吉70令吉的667公斤的瓶装食用油，已被扣押以作进一步调查。"

他说，该案件已根据2011年价格控制与反暴利法令展开调查。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN

TARIKH: 20/1/2025

M/SURAT: 1




# MyCC, UMS perkasa undang-undang persaingan

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/1/2025
M/SURAT: 2

# MyCC, UMS perkasa undang-undang persaingan

## Buka peluang untuk bekerjasama bidang pendidikan, penyelidikan

**KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) mengadakan perjanjian kolaboratif bersama Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi kerjasama berkaitan undang-undang persaingan.**

FPEP dalam satu kenyataan menjelaskan, kolaboratif itu dimeterai menerusi satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak, yang antara lain membuka peluang kepada UMS dan MyCC untuk bekerjasama khususnya dalam bidang pendidikan, penyelidikan, penerbitan dan latihan berkaitan dengan undang-undang persaingan.

"Kolaboratif ini juga membuka peluang kepada sumber dan perkongsian ilmu di antara pensyarah dan pegawai MyCC serta keutamaan penempatan latihan industri kepada pelajar dan pensyarah UMS di MyCC.

"Ini dijangka akan memberi manfaat terutama kepada pelajar UMS dengan memberi nilai tambah dan pendedahan industri kepada mereka, serta menyerlahkan kerjasama erat yang berterusan di antara universiti awam dan agensi kerajaan melalui perkongsian strategik sumber manusia dan kepakaran," menurut kenyataan itu.




**MOU: Rahimie (dua kanan) bertukar dokumen MoU dengan Idrus (dua dari kiri) sambil disaksikan Armizan (tengah).**

Satu Majlis Pertukaran Dokumen MoU antara UMS dan MyCC diadakan di Sheraton Imperial Kuala Lumpur Hotel, bersempena dengan Simposium Undang-Undang Persaingan MyCC 2025 yang dihadiri lebih 250 peserta.

UMS diwakili oleh Dekan FPEP, Prof. Madya Dr. Mohd Rahimie Abd Karim, manakala MyCC diwakili oleh Pengerusinya, Tan Sri Datuk Seri Idrus Harun, sambil disaksikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali.

Terdahulu, Armizan dalam ucapannya berkata, kerjasama itu bukan sahaja memberi tumpuan kepada memajukan pendidikan, dan penyelidikan, malah mempromosi undang-undang persaingan sebagai disiplin akademik utama.

Menurutnya lagi, kerjasama yang diadakan bukan sahaja pelaburan dalam bidang akademik tetapi suatu langkah berani ke arah mengukuhkan kepakaran dan pengaruh Malaysia dalam undang-undang persaingan merentasi rantau Asia.



**CENDERAHATI: Rahimie (tiga kiri) menyampaikan cenderakenangan kepada Idrus.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/1/2025
M/SURAT: 6

## 沙大商學院 MyCC 合作

# 推動競爭法教育培訓

（亚庇19日讯）沙巴大学商业、经济与会计学院（FPEP）与马来西亚竞争委员会（MyCC）签署谅解备忘录，在竞争法令领域展开合作。

该学院发言人在文告中指出，此项谅解备忘录为双方在教育、研究、出版以及与竞争法令相关培训的合作铺平道路。此次合作也提供机会，让该学院讲师与大马竞争委员会官员共享资源和交流知识，并优先安排沙大学生和讲师到该委员会实习。

"预计这将为沙大学生带来显著益处，通过增加价值和提供行业经验，让他们获益匪浅，同时也彰显公立大学与政府机构之间通过人力资源与专业知识策略性共享而达成的密切合作关系。"

文告指出，上述签署仪式是由国内贸易与生活费部长拿督阿米占见证。沙大商业、经济与会计学院是由院长莫哈末拉希米代表，而大马竞争委员会则由主席丹斯里依德鲁斯哈伦代表。

据指出，阿米占在仪式上提到，此项合作可以增强我国在竞争法令领域的专业能力，并将影响力扩展至整个亚洲地区。




▲沙巴大学商业、经济与会计学院与大马竞争委员会的代表合影。左二起为依德鲁斯、阿米占及拉希米。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/1/2025
M/SURAT: 15

Isu logo halal

# 'Henti perbesarkan isu sandwic kontroversi'

## Ahmad Zahid minta beri ruang pihak berkuasa jalankan siasatan

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my




*Kedai yang menjual sandwic berlabel 'Ham And Cheese' yang diragui status halalnya di Universiti Malaya telah diarah tutup.* (Foto fail NSTP)

**Georgetown:** Kerajaan menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan berhubung kontroversi penjualan sandwic berlabel 'Ham And Cheese' yang diragui status halalnya di Universiti Malaya (UM).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata beliau berharap isu berkenaan tidak lagi diperbesarkan memandangkan pihak rangkaian jualan runcit terbabit sudah mengambil tindakan proaktif menarik produk makanan itu.

Tindakan universiti menutup serta-merta dua premis jualan runcit di kampus itu adalah tindakan segera, kita serahkan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk melakukan *follow through* dan *follow up* tindakan itu.

"Saya juga Pengerusi Majlis Pembangunan Halal yang menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melakukan beberapa saranan supaya perkara yang menyentuh soal agama ini harus dielakkan.

"Saya harap isu ini tidak lagi diperbesarkan kerana pihak rangkaian jualan runcit itu telah mengambil tindakan yang proaktif untuk menarik barangan itu, mungkin satu kesilapan dan kita harap jadi pengajaran yang baik," katanya.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Majlis Penutup Permukiman Kementerian KKDW 2025 di sebuah hotel di Teluk Bahang, dekat sini, semalam.

Sebelum ini, UM dalam kenyataan memaklumkan arahan penutupan membabitkan dua premis jualan runcit 24 jam sertamerta dikeluarkan bagi memberi ruang agar siasatan yang dilaksanakan untuk mengesahkan dakwaan itu tidak terganggu

Susulan itu, JAKIM dalam kenyataan media mengesahkan produk 'ham dan cheese' yang dijual dalam premis di sebuah universiti awam di Kuala Lumpur itu tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dan syarikat yang menghasilkan produk itu juga bukan pemegang SPHM.

### Kerajaan bersikap 'buta warna'

Dalam perkembangan lain, Ahmad Zahid berkata, kerajaan bersikap 'buta warna' dalam melaksanakan program bagi memenuhi keperluan rakyat tanpa mengira latar belakang politik atau kaum, khususnya membabitkan kawasan luar bandar.

Beliau berkata, program untuk rakyat terutama program dijalankan kementeriannya dilakukan untuk memberi manfaat kepada rakyat secara menyeluruh.

"Kita mahu supaya semua berasakan kita sering mendepani dan menyantuni semua.

"Kita buta warna dalam melaksanakan program untuk kebaikan semua," katanya.

Ahmad Zahid berkata, pembangunan luar bandar tidak sekadar tertumpu kepada masyarakat Melayu, bahkan merangkumi penduduk Sabah dan Sarawak yang menjadi fokus utama kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat di negeri itu.

Konsep kesamarataan yang diterapkan kerajaan dapat dilihat menerusi peruntukan pembangunan terbesar kepada Sabah dan Sarawak termasuk negeri dikuasai pembangkang.

"Sabah dan Sarawak menerima peruntukan terbesar. Malah empat negeri pembangkang turut menerima peruntukan lebih besar berbanding negeri yang dikuasai oleh kerajaan MADANI," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: ISNIN
TARIKH: 20/1/2025
M/SURAT: 5

SANDWIC DILABEL 'HAM AND CHEESE

# 'Saya harap isu ini tidak lagi diperbesar'

**Georgetown:** Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berharap isu penjualan sandwic berlabel 'Ham And Cheese' yang diragui status kehalalannya di Universiti Malaya (UM) tidak lagi diperbesarkan.

"Saya harap isu ini tidak lagi diperbesarkan kerana pihak rangkaian jualan runcit itu sudah mengambil tindakan yang proaktif untuk menarik barangan itu...mungkin satu kesilapan dan kita harap ia jadi pengajaran yang baik," katanya.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan Majlis Penutup Pemukiman Kementerian KKDW 2025 di sebuah hotel di Teluk Bahang, dekat sini, semalam.

"Tindakan universiti menutup serta-merta dua premis jualan runcit di kampus itu adalah satu tindakan segera, kita serahkan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk melakukan 'follow through' dan 'follow up' tindakan terbabit.

"Saya yang juga Pengerusi Majlis Pembangunan Halal yang menjalinkan kerjasama dengan Jakim sudah melakukan beberapa saranan supaya perkara-perkara yang menyentuh soal agama ini harus dielakkan pada masa depan," katanya.

Pada masa sama, menurut beliau, kerajaan menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan berkaitan kontroversi penjualan sandwic itu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மக்கள் ஓசை
TAMIL MAKKAL OSAI

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/1/2025
M/SURAT: 1



## சன்ட் விச் ரொட்டி சர்ச்சை;

# பெரிதுப்படுத்த வேண்டாம்

### - துணைப்பிரதமர்

தெலுக் பஹாங், ஜன.20-

மலாயா பல்கலைக்கழக வளாகத்தில் இருக்கும் கேகே மார்ட் கிளையில் விற்கப்பட்ட ஹாம் அண்டு சீஸ் முத்திரைக் கொண்ட சன்ட் விச் ரொட்டியின் ஹலால் தன்மை குறித்து சந்தேகம் எழுப்பப்பட்ட நிலையில் அந்தச் சர்ச்சையை பெரிதுப்படுத்த வேண்டாம் என துணைப்பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ ஸாஹிட் ஹமிடி நேற்று வலியுறுத்தினார்.

ஜாக்கிம் எனப்படும் மலேசிய இஸ்லாமிய மேம்பாட்டுத் துறையுடன் அணுக்கமாக ஒத்துழைத்து வருகிறேன். சமயம் சம்பந்தப்பட்ட விஷயங்களை மிகக் கவனமாக அணுக வேண்டும் என்று அவர் ஆலோசனை கூறினார். இந்தப் பிரச்சினையை பெரிதுப்படுத்த வேண்டாம். அந்தப் பொருளை மீட்டுக் கொள்ள கேகே மார்ட் நிறுவனம் உரிய நடவடிக்கைகளை எடுத்திருக்கிறது. இது ஒரு தவறாக இருக்கலாம். இது நல்ல படிப்பினை யாக இருக்கட்டும் என்று ஹலால் மேம்பாட்டு மன்றத்தின் தலைவருமான அவர் தெரிவித்தார். இந்தப் பிரச்சினையை ஜாக்கிம் தரப்பினரிடம் உள்நாட்டு வர்த்தக, வாழ்க்கைச் செலவினத்துறை அமைச்சிடமும் போலீசிடமும் விட்டு விட வேண்டும் என்று அவர் கேட்டுக் கொண்டார்.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 20 JANUARI 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 20-Jan | KPDN Terengganu perluas jualan rahmah di pasar awam | https://www.kosmo.com.my/2025/01/17/kpdn-terengganu-perluas-jualan-rahmah-di-pasar-awam/ | KOSMO |
| 20-Jan | PJRM@Passar Terengganu: 600 Kg Daging, 400 Ekor Ayam Terjual Dalam Sejam | https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2383687 | BERNAMA |
| 20-Jan | 600kg of beef, 400 chickens sold within an hour at Terengganu's Madani fair | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/17/600kg-of-beef-400-chickens-sold-within-an-hour-at-terengganu039s-madani-fair | THE STAR |
| 20-Jan | 2 stor haram simpan minyak diesel digempur KPDN | https://www.buletintv3.my/nasional/2-stor-haram-simpan-minyak-diesel-digempur-kpdn | BULETIN TV3 |
| 20-Jan | Cubaan seludup gula, arak gagal | https://www.sinarharian.com.my/article/707709/edisi/selangor-kl/cubaan-seludup-gula-arak-gagal | SINAR HARIAN |
| 20-Jan | Terpedaya iklan pelaburan di Facebook, pengurus syarikat rugi RM1.15 juta | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1350376/terpedaya-iklan-pelaburan-di-facebook-pengurus-syarikat-rugi-rm115-juta | BERITA HARIAN |
| 20-Jan | Lagi kes pelaburan tidak wujud, kali ini pentadbir syarikat rugi RM137,000 | https://hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1177585/lagi-kes-pelaburan-tidak-wujud-kali-ini-pentadbir-syarikat-rugi-rm137000 | HARIAN METRO |
| 20-Jan | RM415.5 million in fines imposed in five cartel cases last year - Armizan | https://thesun.my/malaysia-news/rm4155-million-in-fines-imposed-in-five-cartel-cases-last-year-armizan-ED13541566 | THE SUN |
| 20-Jan | YCC tumpas 5 kes kartel babitkan penalti RM415.5 juta - Armizan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1350395/mycc-tumpas-5-kes-kartel-babitkan-penalti-rm4155-juta-armizan | BERITA HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jan | Five chicken producers fined RM415.5m for cartel activities, MyCC continues investigations, says minister | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/17/five-chicken-producers-fined-rm4155m-for-cartel-activities-mycc-continues-investigations-says-minister/163548 | MALAY MAIL |
| 20-Jan | Five chicken producers fined RM415.5mil for cartel activities | https://dailyexpress.com.my/news/250304/five-chicken-producers-fined-rm415-5-million-for-cartel-activities-mycc-continues-investigations-says-minister | DAILY EXPRESS |
| 20-Jan | KPDN pantau harga kawalan setiap hari: Armizan | https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/19/kpdn-pantau-harga-kawalan-setiap-hari-armizan | UTUSAN BORNEO |
| 20-Jan | Beri maklumat lengkap jika ada isu harga naik – Armizan | https://www.kosmo.com.my/2025/01/19/beri-maklumat-lengkap-jika-ada-isu-harga-naik-armizan/ | KOSMO |
| 20-Jan | KPDN KOKUS CARI SOLUSI HARGA AYAM LEBIH MAHAL DI SABAH, SARAWAK | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2384468 | BERNAMA |
| 20-Jan | KPDN KELUAR NOTIS KEPADA PENIAGA JUAL GULAI KAMBING HARGA 'KAYANGAN' | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2384525 | BERNAMA |
| 20-Jan | Kedai jual gulai kambing harga 'kayangan' dikenakan Notis Bertulis | https://www.kosmo.com.my/2025/01/19/kedai-jual-gulai-kambing-harga-kayangan-dikenakan-notis-bertulis | KOSMO |
| 20-Jan | Jual harga tak munasabah, kedai jual gulai kambing tular diberi notis | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1178505/jual-harga-tak-munasabah-kedai-jual-gulai-kambing-tular-diberi-notis | HARIAN METRO |
| 20-Jan | KPDN keluar notis kepada peniaga jual gulai kambing harga 'kayangan' | https://www.sinarharian.com.my/article/708150/berita/semasa/kpdn-keluar-notis-kepada-peniaga-jual-gulai-kambing-harga-kayangan | SINAR HARIAN |
| 20-Jan | Kedah trader issued notice for selling mutton curry at exorbitant prices | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/19/kedah-trader-issued-notice-for-selling-mutton-curry-at-exorbitant-price | THE STAR |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jan | Didakwa jual gulai kambing 'harga kayangan': Kedai makan tular diberi notis | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1351436/didakwa-jual-gulai-kambing-harga-kayangan-kedai-makan-tular-diberi-notis | BERITA HARIAN |
| 20-Jan | KPDN keluar notis kepada peniaga jual gulai kambing harga 'kayangan' | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-keluar-notis-kepada-peniaga-jual-gulai-kambing-harga-kayangan-505238 | ASTRO AWANI |
| 20-Jan | KPDN beri notis kepada kedai jual gulai kambing tular | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-beri-notis-kepada-kedai-jual-gulai-kambing-tular/ | BULETIN TV3 |
| 20-Jan | KPDN to address higher chicken prices in Sabah, Sarawak: Armizan | https://www.dailyexpress.com.my/news/250487/kpdn-to-address-higher-chicken-prices-in-sabah-sarawak-armizan/ | DAILY EXPRESS |
| 20-Jan | Domestic Trade Ministry working on long-term fix for chicken price discrepancy in Sabah and Sarawak, says Armizan | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/19/domestic-trade-ministry-working-on-long-term-fix-for-chicken-price-discrepancy-in-sabah-and-sarawak-says-armizan/163839 | MALAY MAIL |
| 20-Jan | Isu harga ayam di Sabah dan Sarawak, KPDN fokus cari solusi | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/isu-harga-ayam-di-sabah-dan-sarawak-kpdn-fokus-cari-solusi | BERITA RTM |
| 20-Jan | KPDN fokus cari solusi isu harga ayam lebih mahal di Sabah, Sarawak | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-fokus-cari-solusi-isu-harga-ayam-lebih-mahal-di-sabah-sarawak-505221 | ASTRO AWANI |
| 20-Jan | KPDN to address higher chicken prices in Sabah, Sarawak - Armizan | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-to-address-higher-chicken-prices-in-sabah-sarawak-armizan-OC13554390 | THE SUN |
| 20-Jan | KPDN fokus cari solusi isu harga ayam mahal di Sabah, Sarawak | https://www.sabahgazette.com/kpdn-fokus-cari-solusi-isu-harga-ayam-mahal-di-sabah-sarawak/ | SABAH GAZETTE |
| 20-Jan | Kajian UMS jawab kenapa harga barang di Sabah mahal | https://www.sinarharian.com.my/article/708034/berita/nasional/kajian-ums-jawab-kenapa-harga-barang-di-sabah-mahal | SINAR HARIAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jan | Hasil kajian stabilkan harga barang keperluan di Sabah, Sarawak akan dibentang | https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/hasil-kajian-stabilkan-harga-barang-keperluan-di-sabah-sarawak-akan-dibentang/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 20-Jan | MyCC, UMS perkasa undang-undang persaingan | https://www.dailyexpress.com.my/news/250478/mycc-ums-perkasa-undang-undang-persaingan/ | DAILY EXPRESS |
| 20-Jan | Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS berkolaborasi dengan MyCC | https://malaysiagazette.com/2025/01/18/fakulti-perniagaan-ekonomi-dan-perakaunan-ums-berkolaborasi-dengan-mycc/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Jan | MyCC, UMS perkasa undang-undang persaingan | https://sabahmedia.com/2025/01/19/mycc-ums-perkasa-undang-undang-persaingan/ | SABAH MEDIA |
| 20-Jan | Isu ham dan cheese: Keputusan makmal dijangka esok - Fuziah | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1178361/isu-ham-dan-cheese-keputusan-makmal-dijangka-esok-fuziah | HARIAN METRO |
| 20-Jan | 'Ham and cheese' sandwich DNA test report to be ready tomorrow | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1163249/ham-and-cheese-sandwich-dna-test-report-be-ready-tomorrow | NEW STRAITS TIMES |
| 20-Jan | Keputusan makmal 'ham dan cheese' dijangka diketahui esok | https://www.buletintv3.my/nasional/keputusan-makmal-ham-dan-cheese-dijangka-diketahui-esok/ | BULETIN TV3 |
| 20-Jan | Isu ham dan cheese: Keputusan makmal dijangka esok -Fuziah | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1351268/isu-ham-dan-cheese-keputusan-makmal-dijangka-esok-fuziah | BERITA HARIAN |
| 20-Jan | KPDN rampas 667 kg minyak masak botol dijual lebihi harga pasaran | https://selangorkini.my/2025/01/kpdn-rampas-667-kg-minyak-masak-botol-dijual-lebihi-harga-pasaran/ | SELANGOR KINI |
| 20-Jan | 667 kilogram minyak masak disita, peniaga jual lebih harga | https://www.sinarharian.com.my/article/708003/berita/semasa/667-kilogram-minyak-masak-disita-peniaga-jual-lebih-harga | SINAR HARIAN |
| 20-Jan | Pasar raya jual minyak masak subsidi botol lebih mahal | https://malaysiagazette.com/2025/01/19/pasar-raya-jual-minyak-masak-subsidi-botol-lebih-mahal/ | MALAYSIA GAZETTE |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jan | KPDN rampas 667kg minyak masak botol dijual melebihi harga pasaran | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1351165/kpdn-rampas-667kg-minyak-masak-botol-dijual-melebihi-harga-pasaran#google_vignette | BERITA HARIAN |
| 20-Jan | Pasar mini diserbu jual minyak masak lebih harga kawalan | https://www.kosmo.com.my/2025/01/19/pasar-mini-diserbu-jual-minyak-masak-lebih-harga-kawalan/ | KOSMO |
| 20-Jan | Perak KPDN seizes 667 kg of overpriced bottled cooking oil | https://thesun.my/malaysia-news/perak-kpdn-seizes-667-kg-of-overpriced-bottled-cooking-oil-OC13552738 | THE SUN |
| 20-Jan | KPDN rampas 667 kg minyak masak botol dijual melebihi harga pasaran | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-rampas-667-kg-minyak-masak-botol-dijual-melebihi-harga-pasaran-505169 | ASTRO AWANI |
| 20-Jan | KPDN Rampas 667 Kg Minyak Masak Botol Dijual Melebihi Harga Pasaran | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2384322 | BERNAMA |
| 20-Jan | Cooking oil raid: 667kg seized for breaching price controls | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/01/1163050/cooking-oil-raid-667kg-seized-breaching-price-controls | NEW STRAITS TIMES |
| 20-Jan | KPDN rampas 667kg minyak masak botol dijual melebihi harga pasaran | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1178270/kpdn-rampas-667kg-minyak-masak-botol-dijual-melebihi-harga-pasaran | HARIAN METRO |
| 20-Jan | Domestic Trade Ministry seizes overpriced cooking oil in Perak | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/19/domestic-trade-ministry-seizes-overpriced-cooking-oil-in-perak | THE STAR |
| 20-Jan | Jual melebihi harga kawalan, 667 kilogram minyak masak disita | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jual-melebihi-harga-kawalan-667-kilogram-minyak-masak-disita | BERITA RTM |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jan | Pasar mini jual minyak masak botol subsidi lebih mahal | https://mgperak.com/pasar-mini-jual-minyak-masak-botol-subsidi-lebih-mahal/ | MALAYSIA GAZETTE PERAK |
| 20-Jan | TPM harap isu ham tidak lagi diperbesarkan | https://www.kosmo.com.my/2025/01/19/tpm-harap-isu-ham-tidak-lagi-diperbesarkan/ | KOSMO |
| 20-Jan | Zahid harap isu sandwic ham tidak lagi diperbesar-kan | https://www.malaysiakini.com/news/732112 | MALAYSIA KINI |
| 20-Jan | 'Tak perlu perbesarkan lagi isu sandwic 'ham & cheese'' | https://www.sinarharian.com.my/article/708047/berita/nasional/video-tak-perlu-perbesarkan-lagi-isu- | SINAR HARIAN |
| 20-Jan | Ahmad Zahid harap isu ham tidak lagi diperbesarkan | https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/ahmad-zahid-harap-isu-ham-tidak-lagi- | UTUSAN MALAYSIA |
| 20-Jan | Tindakan Lebih Tegas Logo Halal | https://malaysiagazette.com/2025/01/18/tindakan-lebih-tegas-logo- | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Jan | Tidak benar harga ayam di Sabah cecah RM16.50 sekilogram – Fuziah | https://www.sabahgazette.com/tidak-benar-harga-ayam-di-sabah-cecah-rm16-50- | SABAH GAZETTE |
| 20-Jan | KPDN nafi harga ayam di Sabah cecah RM16.50 | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/01/18/kpdn-nafi-harga-ayam-di-sabah- | FREE MALAYSIA TODAY |
| 20-Jan | 'Crazy, selling gas in a house. The whole kampung can burn' | https://www.nst.com.my/news/nst-viral/2025/01/1162629/nstviral-crazy-selling-gas-house-whole-kampung-can-burn-watch | NEW STRAITS TIMES |
| 20-Jan | House selling LPG raided by Perak KPDN, wins social media cheers | https://thesun.my/style-life/going-viral/house-selling-lpg-raided-by-perak-kpdn-wins-social-media-cheers-MC13551058 | THE SUN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jan | Laporan analisa ‘sandwic ham dan cheese’ diserahkan kepada KPDN | https://www.buletintv3.my/nasional/laporan-analisa-sandwic-ham-dan-cheese-diserahkan-kepada-kpdn/ | BULETIN TV3 |
| 20-Jan | Ujian 'ham dan cheese: 'Tunggu pengumumuan KPDN- Na'im | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1351007/ujian-ham-dan-cheese-tunggu-pengumumuan-kpdn-naim | BERITA HARIAN |
| 20-Jan | Keputusan sampel produk 'ham and cheese sandwich' sudah diserah kepada KPDN | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1178076/keputusan-sampel-produk-ham-and-cheese-sandwich-sudah-diserah-kepada-kpdn | HARIAN METRO |
| 20-Jan | KPDN Terengganu siasat harga makanan medan selera tidak masuk akal | https://www.sinarharian.com.my/article/707885/edisi/terengganu/kpdn-terengganu-siasat-harga-makanan-medan-selera-tidak-masuk-akal | SINAR HARIAN |
| 20-Jan | 'Harga ayam di Sabah cecah RM16.50 sekilogram' - Bung Moktar | https://www.sinarharian.com.my/article/707893/edisi/sabah-sarawak/harga-ayam-di-sabah-cecah-rm1650-sekilogram---bung-moktar | SINAR HARIAN |
| 20-Jan | Lelaki warga asing didakwa atas pertuduhan memiliki barangan kawalan tanpa lesen | https://www.tvsarawak.my/2025/01/18/lelaki-warga-asing-didakwa-atas-pertuduhan-memiliki-barangan-kawalan-tanpa-lesen/ | TV SARAWAK |
| 20-Jan | Selangor sasar seragam syarat operasi Taska, pusat jagaan | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/selangor-sasar-seragam-syarat-operasi-taska-pusat-jagaan | BERITA RTM |
| 20-Jan | Foreigner charged in court over illegal possession of controlled goods in Serian | https://www.theborneopost.com/2025/01/18/foreigner-charged-in-court-over-illegal-possession-of-controlled-goods-in-serian/ | THE BORNEO POST |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT